

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

HIA 101 - Pengantar Pengajian Islam

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** dari soalan-soalan berikut. **DUA [2]** dari bahagian A dan **DUA [2]** dari bahagian B.

Bahagian A:

1. Menurut August Comte, manusia melalui beberapa tahap pemikiran dalam hubungan mereka dengan agama dan ilmu pengetahuan. Hurai dan bincangkan tahap-tahap pemikiran tersebut secara kritis dan ilmiah berdasarkan bukti-bukti *naqli* dan '*aqli*.
[100 markah]
2. Islam baik secara *naqli* maupun secara '*aqlinya* merupakan satu cara hidup yang bersesuaian dengan fitrah manusia. Bincangkan konsep fitrah ini dan buktikan sifat Islam sebagai agama fitrah.
[100 markah]
3. 'Aqidah Islam yang bersumberkan wahyu llahi tidak boleh disamakan dengan ideology atau teori. Huraikan tiga perbezaan antara 'aqidah Islam dengan ideology serta bincangkan tiga contoh keistimewaan 'aqidah Islam.
[100 markah]

Bahagian B:

4. Kebelakangan ini terdapat suara-suara yang mempertikaikan kedudukan al-Sunnah sebagai salah satu sumber ajaran Islam di samping al-Qur'an
 - [a] Jelaskan maksud al-Sunnah.
[20 markah]
 - [b] Dengan berdasarkan kepada ayat-ayat al-Qur'an dan hadith jelaskan kedudukan al-Sunnah dalam Islam
[40 markah]
 - [c] Huraikan sebab-sebab kenapa al-Sunnah masih diperlukan sekalipun al-Qur'an sudah diwahyukan
[40 markah]
5. Dua aspek utama dalam *Mu'amalat* Islam ialah aspek *tijariyy* dan *siyasiyy*. Dengan berdasarkan kepada dalil-dalil *naqli* dan *'aqli*, huraikan **dua** prinsip utama bagi setiap satu aspek ini menurut syariat Islam serta jelaskan kesesuaianya dengan zaman sekarang.
[100 markah]
6. Huraikan konsep akhlak dalam Islam serta berikan penilaian anda terhadap tahap penghayatannya di zaman sekarang.
[100 markah]